

PERCATURAN POLITIK SINGAPURA TERHADAP MALAYSIA-INDONESIA

MASSA 12. 7. 2003

Singapura mempunyai hubungan yang tidak begitu licin dengan jiran-jiran paling hampirnya iaitu Malaysia dan Indonesia walaupun kemakmurannya amat berkait rapat dengan kedua-dua negara itu

Oleh ZIN MAHMUD

SINGAPURA mencetuskan kemarahan Indonesia apabila mendedahkan butir-butir surat mengenai perdagangan di antara kedua-dua negara baru-baru ini. Ini kerana Jakarta mendakwa butiran itu tidak sama dengan rekodnya.

Pada waktu yang sama, Riau, wilayah Indonesia yang paling hampir dengan Singapura mendakwa Singapura menggunakan pelbagai helah termasuk menjanjikan pelaburan besar untuk memperdaya kepulauan itu supaya membekalkan air mentah ke republik itu.

Serentak itu juga Singapura menggunakan umpan dan tekanan sebagai suatu usaha mendesak Malaysia supaya bersejua menuruskan bekalan air mentah kepadanya.

Sebelum ini Singapura menimbulkan ketegangan dengan Kuala Lumpur apabila ia mendedahkan butir-butir surat di antara Perdana Menteri, Goh Chok Tong dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai isu harga air.

Singapura mempunyai hubungan yang tidak begitu licin dengan jiran-jiran paling hampirnya iaitu Malaysia dan Indonesia walaupun kemakmurannya amat berkait rapat dengan kedua-dua negara itu.

Walaupun Singapura merupakan sebuah negara kecil tetapi ia menyandarakan masa depannya pada hubungan baiknya dengan Amerika Syarikat (AS) apabila membekalkan kuasa besar itu menjadikan pulau tersebut sebagai pusat kemudahan bagi bekalan ketenteraan.

Sememangnya terdapat dimensi perkauman dalam hubungan dengan kedua-dua negara jirannya. Singapura dipandang sebagai negara yang majoriti penduduknya keturunan Cina sementara Malaysia dan Indonesia merupakan negara rumpun Melayu. Sementara Singapura adalah negara yang dihuni

majoriti bukan Islam, Malaysia dan Indonesia pula memiliki majoriti penduduk Islam.

Untuk melihat Singapura dari sudut perkauman adalah mudah. Ia merupakan pulau yang dahulunya adalah sebahagian daripada dunia Melayu, selaku salah sebuah pulau di dalam Kesultanan Johor-Riau, pewaris Kesultanan Melaka.

Tetapi Kesultanan Johor-Riau dipisahkan oleh penjajah Eropah melalui perjanjian Inggeris-Belanda. Riau dipisahkan dari Johor dan menjadi sebahagian daripada wilayah Hindia Belanda, yang kemudian diwarisi oleh Indonesia.

Pihak Inggeris kemudian berjaya memisahkan Singapura dari Johor. Walaupun pada awalnya Singapura dan Johor kembali bersatu sebagai dua negeri di dalam Malaysia tetapi ternyata ia berpisah jua, dan hubungan Malaysia-Singapura terus tidak tenteram hingga ke hari ini.

Singapura melayan Johor dan Riau sebagai negeri satelitnya apabila pelaburan dan perdagangannya banyak dilakukan dengan kedua-dua wilayah itu.

Tetapi kebergantungannya pada air Johor menyebabkan ia mempunyai hubungan strategik dengan Johor. Apabila air menjadi masalah antara Singapura dengan Malaysia, Singapura mula meneroka sumber air alternatif di Riau.

Walaupun Singapura dipimpin oleh etnik yang berbeza dari Malaysia dan Indonesia tetapi hubungan peritnya dengan kedua-dua negara jiran ini bukan kerana perkauman atau agama.

Sungguhpun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara Melayu tetapi dari segi praktikalnya, kaum Cina mempunyai pengaruh besar. MCA merupakan parti Cina yang berjaya dan merupakan sebahagian daripada parti pemerintah. Pembaitan kaum Cina dalam ekonomi Malaysia memang jelas. Tetapi melalui parti politik pemerintah, Cina Malaysia tidak memihak pada Singapura ketika kedua-

dua negara berpisah.

Begitu juga Indonesia. Warga ketumnan Cina di sana walaupun bilangannya kecil tetapi mempunyai pengaruh besar. Dari segi agama pula, Indonesia dan Malaysia bukanlah negara Islam yang tidak ada pembaitan daripada penganut agama lain.

Begitu juga dengan Singapura, republik itu juga mempunyai pengaruh daripada rakyat Islam, khususnya orang Melayu yang turut memberi sokongan pada parti pemerintah.

Jadi, kedudukan Singapura adalah lebih kepada sifat republik itu yang tidak mesra dengan jiran-jirannya.

Apakah sikap itu kerana kedudukan geografinya yang strategik dan berada di tengah-tengah Kepulauan Melayu?

Dalam sejarah silamnya, Singapura sememang ada masanya menjadi masalah kepada jiran-jirannya yang merupakan kuasa besar pada zamannya.

Empayar Melayu paling awal ialah Sriwijaya yang berpusat di Palembang, Sumatera. Temasik (nama lama Singapura) adalah sebahagian daripadanya. Apabila Sriwijaya tumbang, Temasik berada pula di bawah Majapahit di Jawa. Ketika Majapahit lemah, Temasik dirampas oleh Siam. Pengasas Melaka, Parameswara lari dari Palembang ke Temasik dan akhirnya menggulingkan raja yang mewakili Siam di situ. Apabila Siam datang ke Temasik, Parameswara lari ke Melaka untuk menubuhkan kesultanan baru, yang kemudian berjaya menjadikan Singapura sebahagian daripada wilayahnya.

Empayar Melaka dapat mengukuhkan kerana hubungan persahabatan dengan Majapahit dan China. Siam tidak berani mengambil keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu.

Portugis, Belanda dan Inggeris kemudian menduduki Melaka dan Kesultanan Melaka berpindah ke Kota Tinggi dan dikenali sebagai Kesultanan Johor-Riau.